

**SKIM PERKHIDMATAN  
PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI)**

**KLASIFIKASI** : PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN SOKONGAN  
**KUMPULAN PERKHIDMATAN** : PELAKSANA

| <b>Gred</b>     | <b>Jadual Gaji Minimum - Maksimum</b> |
|-----------------|---------------------------------------|
| <b>Gred N17</b> | : RM928.00 - RM3,375.00               |
| <b>Gred N22</b> | : RM2,165.00 - RM3,037.00             |
| <b>Gred N26</b> | : RM2,483.00 - RM4,751.00             |

- SYARAT LANTIKAN**
1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
    - (a) warganegara Malaysia;
    - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
    - (c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N17: RM928.00).
- SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**
2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN**
3. Pegawai yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Bentara Parlimen, Pemandu Kenderaan, Penghantar Notis dan Pembantu Operasi adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N17 , tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
    - (a) (i) mempunyai kelayakan seperti di perenggan 1 (c) di atas; atau
    - (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan

- (b) had umur pelantikan:
  - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
  - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
  - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

- |   |     |   |
|---|-----|---|
| <b>PENETAPAN GAJI PERMULAAN</b>   | 4.  | Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred N17 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.   |
| <b>TEMPOH PERCUBAAN</b>   | 5.  | Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.   |
| <b>LATIHAN</b>  | 6.  | Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.   |
| <b>PROGRAM TRANSFORMASI MINDA / PEPERIKSAAN PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN</b> | 7.  | Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda.   |
|   | 8.  | Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah :- <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) memenuhi tempoh percubaan;</li> <li>(b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan</li> <li>(c) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan</li> </ul> |
| <b>PERGERAKAN GAJI TAHUNAN</b>  | 9.  | Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.   |
| <b>KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI</b>                                       | 10. | Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.   |
| <b>KENAIKAN PANGKAT KE N22</b>  | 11. | Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N17 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N22 yang kosong apabila telah: <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) disahkan dalam perkhidmatan;</li> <li>(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;</li> </ul>                |

- (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE N26** 12.

Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N22 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N26 yang kosong apabila telah:

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.